

02 SEP 2003

ABDULLAH-PERISIAN/I

KERAJAAN MUNGKIN JADI PENGGUNA UTAMA PERISIAN TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata hari ini kerajaan mungkin mempertimbangkan untuk menjadi pengguna perisian tempatan yang utama.

"Kami telah laksanakannya di Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini. Kami mahu gunakan lebih banyak produk tempatan, termasuklah produk-produk teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)," kata Abdullah kepada pemberita pada Sidang Kemuncak Dasar ICT MSC di sini.

"Ini akan membuka jalan ke arah menggunakan lebih banyak produk tempatan tetapi pengeluar tempatan juga harus meningkatkan mutu produk. Mereka tidak hanya boleh mengharap kerana dikeluarkan di dalam negara, kita mesti menggunakannya.

"Kita memang mahu lakukannya tetapi kita juga mesti menekankan kepentingan mutu produk berkenaan," kata beliau apabila ditanya sama ada kerajaan akan menggunakan perisian tempatan di pelbagai kementerian sebagai pengganti kepada produk perisian seberang laut.

Abdullah berkata untuk bersaing dalam dunia ICT global, Malaysia mesti memberikan penekanan yang lebih kepada meritokrasi.

"Ia bukan hanya terhad kepada pendidikan sahaja. Kita bersaing dengan semua orang di dunia ini ... bersaing untuk menghasilkan yang terbaik," kata beliau.

"ICT ialah untuk orang (generasi) muda. Ia merupakan tanggungjawab generasi ini untuk mencapai Wawasan 2020."

Pada sesi dialog yang diadakan, Abdullah memberi jaminan yang beliau akan meneruskan pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) selepas menjadi Perdana Menteri.

Beliau berkata MSC diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang begitu komited menjadikan Malaysia sebagai negara masyarakat berasaskan pengetahuan. -- BERNAMA

MAS TJK AA